



Rujukan Kami : ST(IP/JKSK/UKLE)100-13/03/9 (3)
Tarikh : 30 November 2020

SEMUA
Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik


YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERINGATAN MESRA: TARIKH PENGUATKUASAAN BAGI PERLAKSANAAN
MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARDS (MEPS) BAGI
KELENGKAPAN PERIUK NASI ELEKTRIK (ELECTRIC RICE COOKER)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, program MEPS bagi *Electric Rice Cooker* telah diberitahu melalui surat bertarikh 01 April 2020 dan tarikh penguatkuasaan penuh bagi pelaksanaan keperluan mematuhi MEPS bagi kelengkapan tersebut adalah satu (1) tahun daripada tarikh tersebut atau pada **01 April 2021** (rujuk surat di Lampiran A)
3. Sehubungan dengan itu, tuan adalah dinasihatkan untuk memastikan bahawa kelengkapan itu menepati standard ujian prestasi tenaga, standard prestasi tenaga minimum (MEPS) dan penarafan kecekapan sebagaimana dinyatakan di dalam "*Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirements for Electric Rice Cooker*". Justeru, adalah menjadi tanggungjawab tuan bagi memastikan kesemua kelengkapan yang berada di pasaran telah dilekatkan dengan label cekap tenaga selepas tarikh penguatkuasaan bermula.
4. Kegagalan pihak tuan mematuhi Peraturan 101A, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 (Pindaan 2013) boleh menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil.

Sekian, terima kasih.



Ir. HJ. MD. ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM
Pengarah
Jabatan Kawal Selia Keselamatan
Suruhanjaya Tenaga

- S.k.:
1. Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
 2. Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
 3. Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
 4. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
 5. Head, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenu 5
The Horizon, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur

Ruj. Kami : ST(IP/JKE)KE/11/09 (2)
Tarikh : 01 April 2020

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)



**SEMUA
Pengilang & Pengimport
Kelengkapan Elektrik**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN: TARIKH PERLAKSANAAN PENGEMASKINIAN *MINIMUM ENERGY PERFORMANCE STANDARDS (MEPS)* BAGI KELENGKAPAN PERIUUK NASI ELEKTRIK (*ELECTRIC RICE COOKER*)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh pelaksanaan keperluan memenuhi *Minimum Energy Performance Standards (MEPS)* bagi kelengkapan *Electric Rice Cooker* akan berkuatkuasa setahun daripada tarikh surat ini dikeluarkan.


3. Mulai dari tarikh penguatkuasaan tersebut, permohonan Perakuan Kelulusan (COA) samada baru atau pembaharuan untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer atau mengiklan kelengkapan *Electric Rice Cooker* hendaklah mengemukakan laporan ujian prestasi penggunaan tenaga mengikut standard pengujian yang telah ditetapkan di dalam panduan yang telah dikeluarkan oleh ST seperti butiran berikut:-

KELENGKAPAN	DOKUMEN	TARIKH DIKELUARKAN
<i>Electric Rice Cooker</i>	<i>Guide on Minimum Energy Performance Standard Requirements for Electric Rice Cooker</i>	1 April 2020

4. Panduan di atas boleh dimuat turun dari laman sesawang ST di alamat <https://www.st.gov.my/web/download/listing/150>.

5. Sehubungan dengan itu, diharapkan agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya bagi tujuan permohonan COA untuk mengilang, mengimport, menjual, mempamer dan mengiklan kelengkapan *Electric Rice Cooker*.

Sekian, terima kasih.



Ir. HJ. MD ZAKUAN BIN HJ. IBRAHIM

Pengarah

Jabatan Kawal Selia Keselamatan

Suruhanjaya Tenaga

- S.k.:
1. Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Tenaga
 2. Pengarah
Jabatan Penguatkuasaan & Operasi Kawasan
Suruhanjaya Tenaga
 3. Pengarah
Jabatan Perancangan & Komunikasi Strategik
Suruhanjaya Tenaga
 4. Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, 40000 Shah Alam, Selangor
 5. Head, Trade Facilitation
Dagang Net Technologies Sdn Bhd
Tower 3, Avenue 5
The Horizon, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi
59200 Kuala Lumpur